Soalan 1 hingga soalan 5

Baca surat di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

30, Jalan Seri Impian 6,
Taman Seri Impian,
25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.
18 Mac 2017.

Menemui kakandaku Wei Wen yang kini berada di Petaling Jaya. Semoga kakanda berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Kakanda,

Apa khabar kakanda? Adinda berharap agar kakanda sihat-sihat selalu. Adinda dan keluarga berada dalam keadaan sihat di kampung. Tujuan adinda mengutus surat ini adalah untuk meminta bantuan kakanda bagi *membiayai* pembelian buku-buku.

Adinda bercadang untuk membeli beberapa buah buku rujukan yang berharga RM100. Buku-buku itu penting bagi adinda untuk menghadapi peperiksaan KSSR pada bulan September nanti. Bantuan ikhlas daripada kakanda amatlah adinda harapkan.

Untuk pengetahuan kakanda, keputusan peperiksaan pertengahan penggal pertama adinda telah diumumkan. Berkat nasihat kakanda dan tunjuk ajar bonda dan ayahanda, adinda telah lulus dengan cemerlang. Dahulu kakanda telah berjanji akan memberikan hadiah istimewa kepada adinda. Oleh itu, kakanda mestilah menunaikan janji tersebut. Ayahanda dan bonda telah menghadiahkan sebuah kamus elektronik kepada adinda.

Kalau kakanda ada kelapangan, pulanglah ke kampung untuk menikmati buah mangga kegemaran kakanda kerana sekarang tengah musim buah mangga. Kami semua amat merindui kakanda. Adinda menanti-nanti kepulangan kakanda.

Setakat di sini sahaja yang dapat adinda coretkan. Sambutlah salam mesra daripada adinda dan keluarga untuk kakanda.

Adindamu yang jauh,
Wei Ling

LIVEWORKSHEETS

1. Di manakah tempat tinggal kakak penulis sekarang?

A. Kuantan B. Petaling Jaya C. Kluang D. Pahang

2. Apakah tujuan penulis mengutus surat kepada kakaknya?

A. untuk meminta bantuan kewangan daripada kakaknya bagi pembelian buku-buku

B. untuk meminta kakaknya pulang ke kampung dengan segera

C. untuk meminta bantuan kewangan daripada kakaknya bagi membeli alat-alat tulis

D. untuk meminta khidmat nasihat daripada kakaknya

3. Apakah hadiah yang diterima oleh penulis daripada ayah dan ibunya?

A. Kamus Dewan B. buku-buku rujukan C. komputer riba D. kamus elektronik

4. Pilih pernyataan yang tidak benar berdasarkan surat ini.

A. Penulis amat rindu akan kakaknya.

B. Penulis telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan KSSR.

C. Penulis ialah pelajar Tahun 6.

D. Penulis menulis surat ini pada 18 Mac 2017.

5. Apakah maksud perkataan *membiayai* dalam surat ini?

A. menikmati B.menghadiahi C. membelanjai D. mempelajari

LIVEWORKSHEETS